



IMBASAN PERKONGSIAN DALAM MAJLIS SEBELUM INI

Kenikmatan dan kelazatan yang tertinggi dan teragung di dunia ini ialah ma'rifatullah (mengenal Allah) dan “memandang WajahNya”.

Pembahagian manusia dan jin dalam hal ini adalah seperti berikut :

- i. Ramai orang yang **tidak tahu** hal ini. Mereka tidak pernah tahu sampailah ke mati.
- ii. Ramai yang **belum tahu**, tapi tidak mustahil akan dapat tahu suatu hari nanti.
- iii. Ramai juga yang dapat tahu, tetapi tidak dipilih oleh Allah untuk ambil tahu selanjutnya. Allah tidak kurniakan minat kepada mereka. Tahu, tapi **tidak ada minat**.
- iv. Ada yang dapat tahu, dan berminat untuk lebih tahu. Allah yang anugerahkan perasaan minat itu kepada mereka. Tetapi tidak pula dipilih oleh Allah untuk dapat jalan belajar. Minat, tapi **tak berpeluang belajar**.

- v. Ada yang Allah hadiahkan jalan kepadanya, tetapi sudah ditentukan oleh Allah pada azali bahawa orang itu tidak dikurniakan faham. Belajar, tetapi **tidak faham**.
- vi. Ada yang dikurniakan faham, tetapi tidak dianugerahkan amal. Faham, tapi **tak dapat amalkan**.
- vii. Ada yang berpeluang mendapat amal, maka dia pun beramallah. Namun dia tidak dipilih oleh Allah untuk dapat penghayatan akan amal-amalnya. Beramal, tapi **tak dapat menghayati amal**.
- viii. Ada yang dikurniakan Allah penghayatan, tetapi tidak dipilihnya untuk menikmati ma'rifatullah dan "**memandang WajahNya**". **Dapat hayati amal**, tapi tak capai matlamat utama.
- ix. Ada yang dikurniakan semua yang di atas, dan **berjaya pula mencapai matlamat** iaitu ma'rifatullah (mengenal Allah) dan "**memandang WajahNya**". Terdapat pelbagai maqam di sini mengikut rezeki masing-masing.

Antara cara syaitan menjauhkan manusia daripada ilmu ma'rifatullah dan memandang Wajah Allah :

- i. Dengan **cara kasar** – iaitu menjauhkan manusia daripada agama. Cara ini paling berkesan dan paling berjaya.
- ii. Dengan **cara halus** – iaitu apabila tidak berjaya untuk menjauhkan mangsa2nya daripada agama, maka syaitan akan berusaha agar mangsa2nya sibuk dengan jurusan agama tertentu sahaja, sehinggakan mereka tidak ada peluang untuk mendalami ilmu ma'rifatullah (mengenal Allah) dan "**memandang Wajah Allah**". Cara begini banyak juga mendatangkan kejayaan kepada syaitan.
- iii. Dengan **cara yang lebih halus** – iaitu apabila gagal menjauhkan manusia daripada agama dan gagal juga menyibukkan manusia dalam jurusan agama tertentu sahaja (maksudnya manusia berjaya juga mencari ruang untuk belajar ilmu ma'rifatullah dan "**memandang WajahNya**"), syaitan akan berusaha pula untuk

mengelincirkan kita dalam perjalanan menuju ma'rifatullah dan "memandang Wajah Allah".

Huraian bagaimana syaitan gunakan cara halus (no. ii di atas tadi) :

Syaitan akan ghairahkan dan sibukkan orang2 yang mahu akan agama dengan juzuk2 agama tertentu sampaikan mereka tidak punya ruang dan masa untuk mendalami ilmu ma'rifatullah (menenal Allah) dan "memandang Wajah Allah". Bahkan sebahagiannya sampaikan berkeyakinan bahawa pelajaran ini sebagai tidak penting atau kurang penting, ataupun sekadar pelajaran untuk mengisi masa lapang sahaj. Alangkah berjayanya syaitan! Contohnya :

- Terlalu sibuk dengan **kerja-kerja kebajikan**.
- Terlalu ghairah dengan ilmu2 dan kerja2 **menyaring hadith**.
- Terlalu asyik dengan ilmu2 cara **bacaan dan lagu** Al-Quran.
- Tenggelam dalam **hafaz-menghafaz** Al-Quran, hadith, syair2 Arab, kitab-kitab dan sebagainya.
- Tenggelam dalam **kerja-kerja dakwah**.
- Tenggelam dalam **fikir politik dan kerja politik**.
- Tenggelam dalam **amal ibadah** yang banyak.
- Sibuk dengan urusan fiqh, **hukum-hakam**, halal haram dsb.
- Sibuk dengan **perdebatan**, perbahasan, tangkisan, balasan dll.
- Sibuk dengan **isu-isu khilafiyah**.

Sedar-sedar, maut sudah tiba. Hendak belajar sudah tidak sempat.

Huraian bagaimana syaitan guna cara lebih halus (no. iii di atas tadi).

Ada orang yang berpeluang belajar dan mendalami ilmu ma'rifatullah dan jalan "memandang WajahNya", tetapi :

- **Tenggelam dalam ilmu ini** sampaikan terabai kerja2 kebajikan, ilmu hadith, ilmu2 Al-Quran, hafazan, kerja-kerja dakwah, abaikan urusan siasah/politik, kurang amal ibadah, tak hirau urusan fiqh, tak ambil peduli urusan perjuangankan Islam atau pertahankan Islam, dan sebagainya.

- **Digelincirkan** menjadi berfahaman jabbariyyah, qadariyyah, falsafah, ajaran sesat, menolak syariat dan sebagainya.
- Digelincirkan sehingga **sifat-sifat mazmumah** banyak dan kuat di dalam diri. Paling kurang, yang berjaya diperolehi oleh syaitan ialah menjadikan kita tidak ikhlas.

Ketetapan Allah

Pada azali (sebelum mana-mana makhluk diciptakan, ketika itu yang ada hanyalah Allah sahaja), Allah sudah tahu sama ada kita berjaya atau tidak mencapai matlamat pelajaran ma'rifatullah ini. Bahkan Dialah yang menentukannya.

Allah sudah sedia tahu, tetapi kita belum tahu. Oleh itu, sebagai Ahlus Sunnah wal Jamaah (ASWJ), kita mestilah gigih memohon dan berusaha untuk mencapai matlamatnya.

Kepelbagaian istilah.

Ada pelbagai istilah dalam mata pelajaran perjalanan kerohanian ini. Dalam hal ini, Imam Al-Ghazali dan Tariqat Al-Ghazaliyyah mengambil langkah berjimat lagi bijaksana. Tidak perlu untuk bahaskan dan mendalami maksud setiap istilah itu, memadai dengan menggunakan satu dua istilah sahaja asalkan mempunyai maksud dan matlamat yang sama.

Kita hidup di dunia ini tidak lama. Maka mestilah menjimatkan masa dan tenaga. Terlalu sibuk dengan pelbagai istilah membuatkan kita lambat mencapai matlamat.

Kelazatan teragung dan tertinggi.

- Umumnya emas **lebih berharga** daripada gangsa. Oleh itu ilmu tentang emas adalah lebih berharga berbanding ilmu tentang gangsa. Ilmu mengenal emas lebih berharga.
- Rasulullah saw **lebih utama** berbanding Saiyidina Ali. Oleh itu pengetahuan tentang Rasulullah adalah lebih utama berbanding

pengetahuan tentang Saiyidina Ali. Ilmu mengenal Rasulullah lebih utama.

- Jet **lebih mahal** daripada kereta. Maka ilmu tentang jet tentunya lebih mahal daripada ilmu tentang kereta. Ilmu mengenai jet lebih mahal.
- Umumnya raja **lebih mulia** berbanding pengawal istana. Jadi maklumat tentang raja adalah lebih mulia daripada maklumat tentang pengawal istana. Ilmu mengenal raja lebih mulia.
- Al-Quran **lebih penting** berbanding buku Sejarah Melayu. Maka ilmu perihal Al-Quran adalah lebih penting berbanding ilmu tentang Sejarah Melayu. Ilmu mengenal Al-Quran lebih penting.
- Masjidil Haram **lebih gah** berbanding Masjid Negara. Jadi info tentang Masjidil Haram tentunya lebih gah daripada info tentang Masjid Negara. Ilmu mengenal Masjidil Haram lebih gah.
- Nabi Sulaiman **lebih hebat, lebih tinggi, dan lebih agung** berbanding anak-anaknya. Maka maklumat tentang Nabi Sulaiman adalah lebih hebat, lebih tinggi dan lebih agung daripada maklumat tentang anak-anaknya.
- Umumnya hidangan kenduri adalah **lebih sedap dan lazat** berbanding hidangan sarapan pagi. Oleh itu, ilmu tentang hidangan kenduri adalah lebih sedap dan lazat berbanding ilmu tentang hidangan sarapan pagi.
- Bangunan Taj Mahal lebih indah lagi mengasyikkan berbanding bangunan Muzium Taiping. Maka maklumat tentang Taj Mahal adalah lebih indah dan mengasyikkan.

Jadi, apakah kenikmatan dan kelazatan yang teragung dan tertinggi?

Adakah lagi yang lebih berharga, utama, mahal, mulia, penting, gah, hebat, tinggi, agung, sedap, lazat, indah dan mengasyikkan berbanding Allah? **Tidak ada!**

Bagaimana dengan ilmu tentang bacaan Al-Quran, ilmu menyaring hadith, ilmu hukum-hakam, ilmu peperangan, ilmu tentang ekonomi, ilmu tentang politik, ilmu tentang dakwah, ilmu tentang kenderaan,

ilmu tentang alam semesta dan lain-lain? Adakah semua itu lebih lagi berbanding ilmu mengenal Allah? **Tidak!**

Kesimpulannya, ilmu yang paling nikmat, paling lazat, paling agung, paling tinggi di dunia ialah ilmu tentang ma'rifatullah (mengenal Allah) dan “memandang Wajahnya”.

- Ilmu memasak itu best, tapi best yang sebenar ialah apabila **menikmati hasil masakan**.
- Ilmu memandu jet pejuang itu sedap, tapi sedap yang sebenar ialah ketika **menikmati pemanduan jet** pejuang.
- Ilmu tentang cara-cara mendapatkan banyak wang itu menyeronokkan, tapi keseronokan yang sebenar ialah apabila **berjaya mendapatkan banyak wang**.

Ilmu tentang ma'rifatullah dan “memandang Wajah Allah” adalah yang paling agung dan nikmat. Dengan itu, kenikmatan dan kelazatan yang teragung dan tertinggi di dunia ini ialah ma'rifatullah (mengenal Allah) & “memandang Wajahnya” itu sendiri, bukan setakat ilmu tentangnya.

Ajaran sufi, tasawuf dan tariqat jauh berbeza dengan ajaran batiniyah, syi'ah, wahhabiyyah dan falsafah. Jangan sesekali kita samakan.

PERKONGSIAN UNTUK MAJLIS MALAM INI

Imam Al-Ghazali menulis(ms 446) : Kalau anda tidak ragu lagi pada yang demikian, maka tiada sayugialah bahawa anda ragu, tentang mengetahui **rahsia-rahsia keTuhanan** dan ilmu dengan teraturnya **urusan-urusan keTuhanan**, yang meliputi dengan setiap yang maujud (yang ada), adalah yang tertinggi dari segala macam ma'rifah dan yang diketahui, yang terlazat, terbaik, paling dirindui dan yang paling patut

bagi apa yang dirasakan oleh diri, ketika menyifatkan akan kesempurnaan dan keelokannya dan yang lebih patut bagi apa yang besarlah kegembiraan, kesenangan dan kegembiraan.

Dengan itu jelaslah bahawa ilmu itu lazat. Ilmu yang paling lazat ialah ilmu yang menyangkut dengan Allah Taala, dengan **sifat-sifatNya**, **af'alNya** dan **pengaturanNya** dalam kerajaanNya, dari penghabisan 'ArasyNya sampai kepada sempadan bumi.

Maka sayugialah bahawa diketahui, bahawa **kelazatan ma'rifah itu lebih kuat drpd kelazatan2 yang lain**. Yakni kelazatan nafsu syahwat, marah dan kelazatan pancaindera yang lima lainnya.

Bahawa kelazatan itu yang pertama, berlainan macamnya seperti berlainannya kelazatan berjimak (bersetubuh) dengan kelazatan mendengar, kelazatan ma'rifah dengan kelazatan menjadi kepala (ketua).

Dan itu berbeza pula dengan lemah dan kuat, seperti berlainannya kelazatan orang yang berkobar-kobar nafsunya dari berjimak, dari kelazatan orang yang lemah syahwat. Dan seperti berlainannya kelazatan memandang kepada wajah yang cantik, yang mengatasi kecantikannya, dari kelazatan memandang kepada wajah yang kurang cantiknya.

Sesungguhnya dikenal kelazatan yang terkuat ialah dengan adanya kelazatan itu membekas kepada yang lain. Bahawa orang yang disuruh memilih antara memandang kepada **rupa yang cantik** dan bersenang-senang dengan menyaksikannya, dengan menghirup **bau-bauan yang harum**, maka apabila orang itu memilih memandang kepada rupa yang cantik, nescaya dapat diketahui bahawa rupa yang cantik itu yang paling lazat padanya daripada bau-bauan yang harum.

(ms 447) Seperti yang demikian juga, apabila dihidangkan **makanan waktu malam** dan orang yang **bermain catur** itu terus bermain dan meninggalkan makan, maka dapatlah diketahui dengan yang demikian, bahawa kelazatan mengeras pada catur itu lebih kuat padanya daripada kelazatan makanan.

Maka inilah ukuran yang benar pada penyingkapan dari penguatan kelazatan² itu.

Maka kami kembali pada mengatakan :

1. **Kelazatan** itu terbahagi kepada **zahiriyyah**, seperti kelazatan pancaindera yang lima.
2. Dan kepada **batiniyyah**, seperti kelazatan menjadi kepala (ketua), menang, mulia, ilmu dan lain-lain.

Kerana tidaklah kelazatan (batiniyyah) ini bagi mata, hidung, telinga, sentuh dan rasa. Makna batiniyyah itu lebih banyak bagi orang-orang yang mempunyai kesempurnaan, dari kelazatan zahiriyyah.

Kalau di suruh pilih antara kelazatan **ayam** gemuk dan **kuih** yang terbuat daripada gula dan kelapa, antara kelazatan **menjadi kepala** (ketua) dan **menundukkan musuh** dan memperoleh darjat pemerintahan, maka jikalau orang itu yang disuruh memilih itu **rendah cita-cita**, mati hati dan kuat selera makannya, nescaya ia memilih dgaing dan kuih.

Kalau ia **tinggi cita-cita** dan sempurna akal fikirannya, nescaya ia memilih menjadi kepala. Dan ringanlah kepadanya lapar dan sabar dari perlunya makanan bagi bagi hari-hari yang banyak. Maka pilihannya bagi menjadi kepada itu menunjukkan bahawa itu lebih enak baginya daripada makanan² yang baik.

Benar, kekurangan yang tidak sempurna makna-maknanya yang batiniyyah kemudian seperti **anak kecil** atau seperti orang yang telah mati kekuatan-kekuatan batiniyyah seperti **orang yang kurang akal**, nescaya tidaklah jauh bahawa ia mengutamakan kelazatan makanan daripada kelazatan menjadi ketua.

Dan sebagaimana kelazatan menjadi kepala itu dan mulia itu kelazatan yang lebih mengerasi bagi orang yang telah melampaui kekurangan keanakkecilan dan kekurangan akal fikiran, maka kelazatan mengenal Allah Taala dan menengok keindahan hadrat keTuhanan dan memandang kepada rahsia-rahsia urusan-urusan keTuhanan itu lebih lazata daripada menjadi kepala, yang menjadi kelazatan yang tertinggi yang mengerasi kepada makhluk manusia

Ibarat yang penghabisan daripadanya, bahawa dikatakan diri itu tidak mengetahui apa yang tersembunyi bagi mereka, dari cahaya mata. Dan sesungguhnya disediakan bagi mereka apa yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga dan tidak pernah terguris pada hati manusia.

Inilah sekarang yang tidak diketahui selain oleh orang yang merasakan kedua kelazatan itu bersama-sama. Bahawa sudah pasti ia mengutamakan mengasingkan diri, sendirian, berfikir dan berzikir. Ia menyelam dalam lautan ma'rifah, meninggalkan menjadi kepala dan ia memandang hina (maksudnya tiada keperluan dan kebesaran kepada) orang-orang yang dikepalainya.

Kerana diketahuinya dengan akan lenyap kekepalannya, akan lenyap orang yang menjadi kepala, keadaannya yang bercampur dengan kekeruhan-kekeruhan, yang tidak tergambar akan terlepas daripadanya.

Keadaannya yang terputus dengan mati, yang tak dapat lari dari kedatangannya, betapa pun bumi itu mengambil isinya dan dihiaskan. Dan penghuni bumi itu menyangka bahawa mereka berkuasa atas bumi. **Lalu ia merasa besar dgn dikaitkan kepadanya (kpd bumi itu).**

Akan kelazatan ma'rifah kepada Allah, memerhatikan sifat-sifatNya, af'alNya dan susunan kerajaanNya dari yang paling tinggi, sampai kepada yang paling rendah. Bahawa yang demikian itu **terlepas dari desak-mendesak** dan kekeruhan yang meluas bagi orang-orang yang datang kepadanya. Tidaklah sempit bagi mereka disebabkan kebesarannya. Lebarinya memenuhi takaran langit dan bumi. Dan apabila pandangan itu telah keluar dari takaran, maka tiada penghabisan bagi lebarinya.

Sentiasalah orang yang berma'rifah itu **memperhatikan dalam syurga yang lebarinya langit dan bumi.** Yang bermain-main dalam kebunnya, memetik buah-buahannya, menghirup dari air kolam-kolamnya dan ia merasa aman daripada terputusnya. Kerana buah-buahan syurga itu tidak pernah terputus dan terlarang.

Kemudian dia itu yang abadi yang berkekalan, yang tidak diputuskan oleh mati. Kerana mati itu tidak meruntuhkan tempat ma'rifah tempat ma'rifah kepada Allah Taala.

Dan tempatnya itu ruh yang menjadi urusan keTuhanan yang Maha Tinggi. Bahawa mati itu merubahkan hal ehwalnya, memutuskan segala kesibukan dan penghalang2nya. Dan melepaskan dari tahanannya. Ada pun bahawa ditiadakannya, maka tidaklah yang demikian.

Allah Taala berfirman : ***"Janganlah engkau menyangka mati orang-orang yang terbunuh di jalan Allah itu. Tidak! Mereka itu hidup, mereka mendapat rezeki dari sisi Tuhan. Mereka gembira kerana kurnia yang telah diberikan oleh Allah kepada mereka dan mereka***

berasa girang terhadap orang-orang yang masih tinggal di belakang mereka, bahawa mereka tidak merasa takut dan tidak pula berduka cita.” (Ali Imran : 169-170)

Jangan anda menyangka bahawa ini khusus dengan orang yang terbunuh dalam peperangan. Bahawa orang yang berma'rifah itu dengan setiap jiwa darjat seribu orang syahid.

(ms 449) Tersebut pada hadis, bahawa orang syahid itu berangan-angan di akhirat, bahawa ia dikembalikan ke dunia, lalu ia terbunuh sekali lagi. Kerana besarnya apa yang dilihatnya dari pahala syahid. Dan bahawa orang-orang syahid itu berangan-angan, jikalau adalah mereka itu ulama, kerana apa yg dilihatnya dari ketinggian darjat para ulama.

Jadi, semua tepi kerajaan langit dan bumi itu menjadi lapangan bagi orang yang berma'rifah, yang ia bertempat padanya, di mana sahaja ia kehendaki, tanpa memerlukan kepada bergerak ke semua tepi itu dengan tubuhnya dan dirinya. Maka itu termasuk memperhatikan keindahan alam malakut dalam syurga, yang lebarnya langit dan bumi.

Dan bagi setiap orang yang berma'rifah adalah seperti yang demikian, tanpa sekali-kali bahawa sebahagian mereka menyempitkan kepada sebahagian yang lain. Hanya mereka itu berlebih kurang tentang luasnya tempat mereka berjalan-jalan, dengan kadar berlebih kurangnya mereka pada keluasan pandangan dan luasnya ma'rifah mereka. Dan mereka itu bertingkat-tingkat pada sisi Allah. Dan tidak termasuk dalam hinggaaan, berlebih kurangnya mereka.

Maka sesungguhnya telah jelas, bahawa kelazatan menjadi kepala (ketua) dan itu hal batiniyyah, adalah lebih kuat pada orang-orang yang mempunyai kesempurnaan, dari kelazatan pancaindera semuanya.

Bahawa (sesungguhnya) kelazatan ini tidak ada pada binatang, anak kecil dan orang yang lemah akal. Bahawa kelazatan yang dirasakan dengan pancaindera dan nafsu syahwat itu adalah bagi orang-orang yang mempunyai kesempurnaan, serta kelazatan menjadi kepala. Akan tetapi mereka mengutamakan menjadi kepala.

Adapun makna keadaan ma'rifah kepada Allah, sifat-sifatNya, af'alNya, kerajaan langitNya dan rahsia kerajaanNya itu adalah kelazatan yang lebih besar dibandingkan dari menjadi kepala.

Maka ini khusus dengan ma'rifahnya, orang yang memperolehi martabat ma'rifah dan merasakannya. Dan tak mungkin adanya yang demikian itu, pada orang yang tidak mempunyai hati. Kerana itu tambang (*lombong) kekuatan ini.

Sebagaimana tidak mungkin menetapkan kekuatan lazatnya berjimak atas lazatnya bermain dengan tongkat yang bengkok hulunya, bagi anak-anak kecil. Dan tidak mungkin menetapkan kuatnya atas kelazatan mencium banafsaj (sebangsa tumbuhan yang bunganya wangi) bagi orang yang lemah syahwat. Kerana ketiadaan sifat, yang dengan sifat itu diketahuinya kelazatan ini.

Akan tetapi, siapa yang selamat dari bahaya kelemahan syahwat dan selamat pancaindera ciumannya, nescaya ia dapat mengetahui akan kelebihankurangnya di antara dua kelazatan itu. Dan pada orang ini, tiada lagi selain bahawa dikatakan : "Sesiapa yang merasakan, nescaya ia tahu."

**MAKLUMAN – Semua rakaman audio/video Kuliah Kitab Ihya' 'Ulumuddin di surau ini boleh diulang2 tonton sehingga faham di Youtube. Tuliskan "syarah ihya" atau "kitab cinta ihya" di carian Youtube anda. Selamat mengulangkaji.*